



SUSILAWATI KAMARUZZAMAN

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1997 dan Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1990 di Universiti Malaya (UM).

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Tutor di Jabatan Pengajian Media UM dan mengendalikan kursus Bahasa Melayu dalam Karya Kesusasteraan dan Penulisan Biografi. Dalam pada masa yang sama beliau melanjutkan pengajian beliau ke peringkat Ijazah Sarjana Sastera.

Pada tahun 1998, beliau meneruskan perkhidmatannya sebagai Pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) setelah beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera. Ketika beliau di UPM, beliau mengendalikan kursus Penulisan Laporan Berita dan Rencana, Kewartawanan dan Budaya Melayu dalam Puisi.

Sumbangan beliau di bidang akademik dapat dilihat dengan penyelidikan yang dilakukan seperti Penyelidikan Budaya dan Sastera untuk Muzium Negeri Sembilan, Penghasilan Kertas Kerja berkaitan Sastera, dan Penghasilan Buku yang berkaitan Sastera.

PENCAPAIAN

Beliau juga telah menghasilkan buku seperti Perbandingan Puisi Periode Awal (Malaysia, Indonesia dan Brunei) Tema dan Simbol terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016.

Bermula pada tahun 2009 sehingga kini, beliau berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem.